



INTERNATIONAL JOURNAL OF MODERN
TRENDS IN SOCIAL SCIENCES
(IJMTSS)
www.ijmtss.com



PENGGUNAAN KOLABORATIF DAN FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHINYA

COLLABORATIVE CONSUMPTION AND THE INFLUENCING FACTORS

Mohamed Samsudeen Sajahan¹, Nur Zainie Abd Hamid^{2*}, Hathaipun Soonthronpipit³, Salisa Hemaphan⁴, Peeranthon Saensook⁵

¹ Universiti Teknologi MARA, Kedah Branch, Malaysia

Email: msamsudeen@uitm.edu.my

² Universiti Teknologi MARA, Kedah Branch, Malaysia

Email: nurzainie60@uitm.edu.my

³ Suan Sunandha Rajabhat University, Bangkok, Thailand

⁴ Suan Sunandha Rajabhat University, Bangkok, Thailand

⁵ Suan Sunandha Rajabhat University, Bangkok, Thailand

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 01.08.2021

Revised date: 15.08.2021

Accepted date: 25.08.2021

Published date: 09.09.2021

To cite this document:

Sajahan, M. S., Abd Hamid, N. Z., Soonthronpipit, H., Hemaphan, S., & Saensook, P. (2021). Penggunaan Kolaboratif Dan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhinya. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 4 (17), 74-82.

DOI: 10.35631/IJMTSS.417007

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Isu global penggunaan berlebihan dan pembaziran makanan telah menjadikan ia sesuatu yang relevan untuk dibincangkan. Peningkatan bilangan populasi dunia telah menjadikan perkongsian ekonomi melalui kaedah penggunaan kolaboratif sebagai satu inisiatif penting dalam menangani masalah sosial seperti pembaziran makanan. Tambahan lagi, keadaan pandemik Covid-19 telah memberi kesan langsung dan tidak langsung kepada ekosistem perniagaan domestik dalam kebanyakan industri di Malaysia. Dalam masa yang sama, tingkah laku pengguna juga telah berubah dimana, mereka mewujudkan norma baru dengan memanfaatkan sepenuhnya platform e-dagang melalui konsep penggunaan kolaboratif. Artikel ini membincangkan sorotan literatur berkenaan peranan penggunaan kolaboratif dalam menyelesaikan isu pembaziran makanan yang lazimnya berlaku di negara-negara membangun serta menangani krisis makanan yang berlaku di kebanyakan negara-negara miskin, terutamanya ketika pandemik ini. Pelbagai faktor yang mempengaruhi penggunaan kolaboratif berasaskan makanan yang sering dibincangkan dalam artikel terdahulu juga diketengahkan.

Kata Kunci:

Makanan; Penggunaan Kolaboratif; Perkongsian Ekonomi

Abstract:

The global issue of overconsumption and food waste has made it something relevant to discuss. The increasing world population has made economic sharing through collaborative consumption an important initiative in handling societal problems such as food waste. As well, the Covid-19 pandemic brings direct and indirect impacts on the domestic business ecosystem in most industries in Malaysia. At the same time, consumer behaviour has also changed where they are practising new norms by utilizing e-commerce platforms through a concept known as collaborative consumption. This article presents the role of collaborative consumption in resolving the issue of food waste experienced by most developed countries and addressing the food crisis that is taking place in the poorest countries, especially during this pandemic. Various factors influencing food-based collaborative consumption also are highlighted.

Keywords:

Collaborative Consumption; Consumer Behaviour; Sharing Economy

Pendahuluan

Perubahan iklim dunia telah memberikan kesan langsung kepada ekosistem dan sumber tenaga asli. Pertubuhan negara-negara bersatu (*the United Nations*) menjangkakan, populasi dunia akan melebihi 8 bilion pada tahun 2030. Hal ini akan mewujudkan permintaan makanan dan bahan mentah melebihi sumber semula jadi sedia ada yang terhad. Keadaan ini mungkin akan membuatkan isu pembaziran makanan yang amat membimbangkan seperti yang dialami sekarang tidak lagi akan berlaku. Keadaan menjadi lebih tegang apabila pandemik Covid-19 telah membawa cabaran yang besar kepada masyarakat seluruh dunia. Pandemik ini telah membawa kesan yang dasyat bukan sahaja dari aspek kesihatan awam, malah dari aspek ekonomi dan jaminan kewangan, kualiti hidup, dan bekalan makanan di seluruh dunia. Kebanyakan industri telah terkesan, salah satunya adalah aktiviti sektor perkhidmatan dan pembuatan yang terpaksa dihentikan sementara, dan akhirnya menyebabkan kebanyakan mereka diishtiharkan muflis (Long, 2020). Selain itu, perintah kawalan pergerakan (PKP) telah dilaksanakan di banyak negara untuk meminimalkan penyebaran Covid-19. Keadaan ini telah meminimalkan pergerakan masyarakat yang memerlukan mereka untuk sentiasa berada di rumah dan meninggalkan rumah hanya jika perlu untuk membeli barangan keperluan utama seperti makanan, keperluan ubatan, atau pergi bekerja. Malah, ketakutan ke atas pandemik ini telah menyebabkan perubahan berlaku terhadap tingkah laku pengguna yang lebih cenderung untuk melakukan pembelian secara atas talian berbanding keluar untuk membeli barangan keperluan di luar rumah.

Bagi pemain industri, pandemik Covid-19 telah menjadi halangan kepada fungsi rantaian bekalan makanan yang sedia ada. Satu rantaian bekalan makanan yang kompleks dan sempurna akan melibatkan para petani, kilang-kilang pemprosesan, logistik, pemborong-pemborong, dan juga peruncit (Cullen, 2020). Namun, ketika pandemik, kelumpuhan walau dalam satu komponen dalam rantaian bekalan makanan telah memberi kesan kepada komponen-komponen lain dalam rantaian ini. Oleh itu, pengubahsuaian kepada rantaian bekalan makanan sedia ada serta sikap dan tingkah laku pengguna diperlukan bagi menjamin pengekalan populasi dari segi ekonomi, sosial dan persekitaran. Dalam hal ini, alternatif perkongsian ekonomi memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk mengekang pembaziran makanan daripada terus berlaku, dapat mengawal tahap penggunaan sumber alam

semulajadi yang kian kritikal malah dapat mengatasi krisis pemakanan yang berlaku di negara-negara tertentu.

Cabaran-cabaran yang datang ini juga telah mengubah corak tingkah laku pengguna dari aspek pembelian dan penggunaan barangan atau perkhidmatan. Tambahan lagi, pembangunan pesat teknologi digital telah mengubah pengoperasian perniagaan yang biasa digunakan serta membuka peluang baru untuk memperkenalkan model perniagaan yang baru. Internet seumpamanya menawarkan pelbagai kaedah baru untuk menjalankan perniagaan serta mewujudkan inisiatif perkongsian (Belk, 2014), di mana penggunaan kolaboratif adalah salah satu daripadanya (Richter et al., 2017). Berdasarkan kajian, penggunaan kolaboratif menjadi semakin popular semenjak kebelakangan ini. Terdapat peningkatan dalam bilangan pengguna yang lebih cenderung untuk berkongsi dan membelanjakan wang untuk mendapatkan barangan atau perkhidmatan untuk sementara, berbanding membeli dengan tujuan untuk memiliki barangan atau perkhidmatan tersebut secara kekal (Mayasari & Haryanto, 2018). Malah, Letsebe (2014) sebelum ini menjangkakan pasaran dalam talian bagi penggunaan kolaboratif pada tahun 2017 adalah sebanyak 18.6 bilion USD, dan dijangkakan jumlah ini akan meningkat kepada 40.2 bilion USD pada tahun 2022.

Penggunaan kolaboratif diharapkan dapat meringankan masalah masyarakat seperti penggunaan berlebihan atau pembaziran, pencemaran dan kemiskinan dengan menurunkan kos koordinasi ekonomik dalam masyarakat. Namun, sehingga kini, pengetahuan berkenaan kecenderungan masyarakat dalam mengambil bahagian dalam penggunaan kolaboratif masih terhad. Berdasarkan kajian, trend penggunaan ini lebih kerap digunapakai oleh golongan muda. Penglibatan golongan muda ini dalam penggunaan kolaboratif didorong oleh pelbagai faktor, diantaranya ialah kesinambungan dan keseronokan yang boleh didapati daripada penggunaan kolaboratif serta keuntungan dari segi ekonomi yang boleh mereka dapati. Namun begitu, bilangan kajian yang mengkaji berkenaan faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan kolaboratif adalah terhad, dan masih perlu dibincangkan dengan lebih meluas.

Objektif utama penulisan artikel ini adalah untuk membincangkan definisi penggunaan kolaboratif dan faktor-faktor utama yang mempengaruhi tingkah laku penggunaan kolaboratif dalam usaha untuk menangani isu global pembaziran makanan, menangani krisis kekurangan makanan serta mendepani krisis pandemik Covid-19.

Sorotan Literatur

Penggunaan Kolaboratif

Terdapat tiga jenis perkongsian ekonomi seperti yang dicadangkan oleh Botsman dan Rogers (2010), iaitu penglibatan dalam sistem perkhidmatan produk, pasaran pengagihan semula dan gaya hidup kolaboratif. Sistem perkhidmatan produk merujuk kepada aktiviti perkongsian ekonomi dikalangan pemain industri namun, tidak melibatkan sebarang pemilikan ke atas produk mereka (Schiel, 2015). Pasaran pengagihan semula pula membolehkan perkhidmatan berdasarkan permintaan yang dilaksanakan oleh individu yang menjual atau membeli barangan melalui platform dalam talian (Frenken et al., 2015). Aktiviti ini lazimnya melibatkan barangan yang tidak lagi diperlukan oleh pemilik asal, untuk digunakan semula oleh pembeli yang lain. Gaya hidup kolaboratif pula merujuk kepada aktiviti perkongsian ekonomi melalui platform atas talian yang melibatkan interaksi individu-individu yang mempunyai minat dan keinginan yang sama (Lawson, 2010). Namun, memandangkan penggunaan kolaboratif menjadi konsep perkongsian ekonomi yang semakin popular pada era digital kini, ditambah

pula isu pembaziran global yang berterusan, maka, artikel ini akan menumpukan perbincangan terhadap tingkah laku perkongsian ekonomi ini.

Perkembangan pesat teknologi digital telah menyebabkan perubahan pada tingkah laku pengguna. Pengguna telah mampu untuk terlibat dalam perkongsian rakan sebaya (peer-to-peer sharing) dengan berasaskan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh penjual yang membina rangkaian kolaboratif dalam perniagaan (Mayasari et al, 2017). Dalam konsep ini, pengguna mengambil inisiatif untuk berkolaborasi dengan pengguna yang lain untuk memiliki sesuatu produk atau perkhidmatan. Tingkah laku ini dikenali sebagai penggunaan kolaboratif. Ia merupakan konsep yang berasaskan perkongsian, kolektif, koperasi dan komuniti (Botsman & Rogers, 2010) yang bukan sahaja semakin popular dikalangan usahawan, pakar kewangan dan peruncit, malah, semakin mendapat perhatian dalam bidang penyelidikan (Nwaorgu, 2018).

Penggunaan kolaboratif merujuk kepada tingkah laku penggunaan berasaskan perkongsian, sama ada melibatkan bayaran atau dalam bentuk pampasan yang lain dan melalui pelbagai jenis alatan digital seperti telefon pintar, komputer dan tablet (Belk, 2014; Hamari et al., 2016; Eckhardt et al., 2019). Ia merupakan komponen perkongsian ekonomi yang terpenting di dunia pada masa kini (Mohlmann, 2015; Lindblom & Lindblom, 2017). Nwaorgu (2018) juga menyebut bahawa terma ini merujuk kepada aktiviti perkongsian, menyewa dan meminjam. Ia bukan hanya terbatas kepada barangan makanan, tetapi juga melibatkan barangan lain seperti pakaian, kereta, mahupun perkhidmatan.

Konsep asal penggunaan kolaboratif diperkenalkan oleh Felson dan Spaeth pada tahun 1978 dalam artikel berkaitan penyewaan kereta. Mereka membina maksud penggunaan kolaboratif sebagai satu keadaan dimana penggunaan sesuatu barang atau perkhidmatan berlaku diantara dua individu atau lebih, contohnya bercakap melalui telefon atau makan bersama kawan. Namun begitu, definisi ini ditafsirkan sebagai terlalu meluas kerana tertumpu kepada aspek penggunaan sahaja. Sebaliknya, definisi penggunaan kolaboratif perlu difokuskan kepada skop yang lebih kecil kerana ia juga melibatkan aspek pengambilalihan dan pengedaran barangan dan perkhidmatan. Berbanding dengan penggunaan biasa di mana seorang individu akan membayar keseluruhan kos barangan atau perkhidmatan dan mempunyai hak mutlak terhadap barangan atau perkhidmatan tersebut, penggunaan kolaboratif melibatkan konsep perkongsian dalam penggunaan barangan atau perkhidmatan oleh sekumpulan individu, di mana kos dan hak ke atas barangan dan perkhidmatan tersebut ditanggung oleh lebih daripada seorang individu atau secara berkumpulan.

Perbincangan berkenaan definisi penggunaan kolaboratif diteruskan oleh beberapa individu yang berperanan dalam membuktikan bahawa kaedah penggunaan kolaboratif merupakan revolusi yang mampu bertahan lama dan merupakan tingkah laku pengguna yang moden. Antaranya adalah Botsman dan Rogers (2010) dimana mereka menjelaskan bahawa penggunaan kolaboratif melibatkan inisiatif perkongsian tradisional, sistem barter, pinjaman, perdagangan, sewaan, pemberian hadiah dan pertukaran yang dipenuhi melalui penggunaan teknologi bersama dengan komuniti rakan sebaya. Jelas sekali, berdasarkan definisi ini, Botsman dan Rogers (2010) telah membuktikan bahawa konsep penggunaan kolaboratif telah merombak norma biasa perniagaan dan juga tingkah laku kepenggunaan. Sememangnya, konsep ini bukanlah suatu konsep yang baru kerana berdasarkan kajian yang dijalankan, didapati bahawa terdapat perubahan yang berlaku dikalangan kontemporari pengguna daripada aspek tingkah laku dan tindakan (Bardhi & Eckhardt, 2012). Perubahan tersebut melibatkan

peningkatan bilangan individu yang lebih cenderung untuk meminjam barang-barang tertentu, berbanding membeli sendiri. Tingkah laku ini dibuktikan bukanlah sesuatu yang baru, malah telah digunakan pengguna diseluruh dunia, yang kebanyakannya berlaku diluar sedar mereka (Owyang et al, 2014).

Penggunaan Kolaboratif Berasaskan Makanan

Isu global pembaziran makanan telah memberi impak yang besar terhadap ekonomi. Negara-negara yang terlibat terpaksa menanggung kos yang sangat tinggi untuk mengendalikan isu ini. Terdapat bukti empirikal berkenaan kuantiti pembaziran yang konsisten oleh negara-negara membangun, dan sebilangan besar pembaziran berlaku diperingkat pengguna, iaitu disebabkan oleh tingkahlaku dan sikap isi rumah (Parfitt et al., 2020; Gustavsson et al., 2011). Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi pembaziran makanan ini, termasuklah kurang kefahaman terhadap label tarikh makanan, perancangan yang tidak mencukupi berkenaan keperluan rumah dan makanan, terpengaruh dengan teknik promosi dan pembungkusan yang ditawarkan oleh perniagaan.

Konsep perkongsian makanan telah mendapat perhatian sebagai satu langkah untuk menangani isu pembaziran makanan (Gram-Hanssen et al., 2016). Perbincangan berkenaan perkongsian makanan antara isi rumah yang berlainan juga semakin mendapat perhatian sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Pada asasnya, penjimatan wang menjadi objektif utama penglibatan individu dalam perkongsian makanan. Perkongsian makanan ini merangkumi penjualan, menderma dan juga pertukaran barangan. Ini kerana praktis ini telah banyak dipraktikkan dikebanyakan negara membangun melalui pelbagai bentuk seperti jaringan makanan web (*web food networks*), tabung awam atau inisiatif persendirian dikalangan isi rumah yang tiada hubungan seperti para pelajar yang tinggal serumah (Kera & Sulaiman, 2014; Morone et al., 2016).

Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pengguna Dalam Penggunaan Kolaboratif

Terdapat pelbagai faktor dan motivasi yang mempengaruhi pengguna dalam tingkah laku penggunaan kolaboratif yang telah dibincangkan dalam kajian sehingga kini. Artikel ini mengenengahkan lima faktor, iaitu faktor teknologi, faktor hijau, faktor sosio-demografi, faktor ekonomi dan faktor sosial yang banyak sebut dalam perbincangan. Faktor-faktor berikut dicadangkan tanpa mengambil jenis atau asas penggunaan kolaboratif sama ada makanan, sewaan kereta, pakaian dan sebagainya.

Faktor Teknologi: Teknologi merupakan sebahagian daripada kehidupan seharian setiap individu. Komputer, telefon pintar dan tablet digunakan untuk berhubungan dan berkongsi pendapat dan maklumat. Pengguna akan menggunakan teknologi dengan lebih kerap dan aktif sekiranya mereka merasa selesa dengan penggunaannya (Parasuraman & Colby, 2015). Jika mereka lebih berfikiran positif terhadap teknologi, maka, niat untuk lebih kerap menggunakannya akan lebih tinggi berbanding sebaliknya. Memandangkan penggunaan kolaboratif diaktifkan melalui platform digital, maka kecenderungan para pengguna untuk menggunakan platform ini akan secara langsung mempengaruhi tingkah laku dan niat mereka (Mani dan Chouk, 2018). Oleh itu, Eckhardt et. al. (2019) mencadangkan bahawa, perhubungan diantara kecenderungan terhadap teknologi dengan niat untuk melibatkan diri dalam tingkah laku penggunaan kolaboratif perlu difahami, memandangkan penggunaan kolaboratif berlaku melalui pengaplikasian platform teknologi.

Faktor Hijau (*Green*): Faktor hijau merujuk kepada penghasilan sesuatu yang mesra alam semulajadi. Mu et al. (2019) mengatakan bahawa pengguna yang lebih menghargai kelangsungan yang berterusan lebih suka menggunakan teknologi, terutamanya melalui aplikasi mudah alih. Namun begitu, masih terdapat kajian yang terhad berkenaan sama ada teknologi mempengaruhi penggunaan yang berterusan. Dalam masa yang sama, Barboza dan Filho (2019) dalam kajian mereka mendapati bahawa aplikasi mudah alih yang dimuatkan dengan sumber hijau menawarkan alternatif yang baru berkaitan dengan penggunaan hijau, di mana, ini menjelaskan kemungkinan wujudnya perkaitan antara teknologi dan nilai hijau. Hu et al. (2019) juga mendapati bahawa kaedah mempromosikan amalan rantai bekalan makanan yang hijau dapat menarik minat pengguna untuk terlibat dalam penggunaan kolaboratif. Jadi, memandangkan para pengguna menganggap penggunaan kolaboratif melalui platform teknologi sebagai satu penggunaan yang berterusan, ini menjelaskan bahawa terdapat hubungan diantara kesediaan teknologi, nilai hijau dan niat keterlibatan dalam penggunaan kolaboratif (Barnes & Mattsson, 2017; Exkhardt et al., 2019). Kajian-kajian yang disebut ini dijalankan untuk mengenalpasti mengapa pengguna mengambil bahagian dalam penggunaan kolaboratif, tetapi tidak mengkaji faktor-faktor khusus yang berkaitan dengan penggunaan teknologi dalam tingkah laku penggunaan kolaboratif.

Faktor Sosio-demografi: Faktor sosio-demografi juga adalah antara faktor yang jarang dikaji sebagai satu penentu kepada penggunaan kolaboratif (Rojas-Mendez et al., 2017). Terdapat jurang diantara generasi muda dengan generasi yang terdahulu dari aspek teknologi. Keperluan teknologi antara generasi ini adalah berbeza dan kebanyakan kemajuan teknologi yang wujud pada masa sekarang adalah tertumpu kepada golongan muda. Malah, teknologi sedia ada sekarang, masih belum digunakan secara sepenuhnya oleh generasi yang terdahulu (Lee & Coughlin, 2015). Faktor umur ini juga mempengaruhi nilai, sikap dan tingkah laku seseorang individu. Ia merupakan satu pembolehubah yang dapat membandingkan pelbagai jenis dan kelompok pengguna (Panzone et al., 2016). Kecenderungan golongan muda terhadap penggunaan teknologi baru, aplikasi mudah alih dan internet setiap hari berbanding golongan terdahulu membuatkan mereka menjadi golongan yang paling ramai terlibat dalam aktiviti perkongsian ekonomi, dan memudahkan mereka untuk membentuk hubungan sosial dan ekonomi diseluruh dunia (Cinjarevic, et al., 2019).

Faktor Ekonomi: Selain itu, Hamari et al. (2015) mendapati bahawa kesinambungan, kepuasan dan faedah ekonomi mempunyai kesan terhadap niat untuk berkongsi. Barnes dan Mattsson (2017) mendapati bahawa kepercayaan, tingkah laku hijau dan pengaruh sosial adalah antara faktor yang berkaitan dengan niat untuk berkongsi. Ramai yang mengakui bahawa krisis ekonomi global pada tahun 2008 dahulu telah menyumbang kepada pengenalan perkongsian ekonomi atau penggunaan kolaboratif (Walsh, 2011; Bardhi and Eckhardt, 2012, Schor dan Fitzmaurice 2015), memandangkan tumpuan pengguna pada ketika itu adalah penjimatan kos. Luchs et al. (2011) menyatakan bahawa, penggunaan kolaboratif wujud hasil daripada penjimatan wang dan masa. Dari sudut ekonomi, seseorang individu akan bertindak secara rasional dengan mengambil kira kelebihan dan kekurangan setiap alternatif yang tersedia bagi membolehkan mereka untuk mengenalpasti alternatif yang terbaik. Mengikut Schiffman dan Kanuk (2010), motivasi utama adalah perlu bagi mendapatkan harga yang terbaik. Seiring dengan itu, penggunaan kolaboratif boleh memaksimumkan tingkah laku pengguna dimana, pengguna dapat menggantikan hak milik ke atas sesuatu barangan atau perkhidmatan dengan kos yang lebih rendah (Hamari et al, 2015).

Faktor Sosial: Adakalanya, penggunaan kolaboratif berlaku tanpa melibatkan sebarang ganjaran (Belk, 2010). Dalam situasi seperti ini, menggunakan kolaboratif dikatakan wujud hanya untuk mencari keseronokan. Malah, ada pendapat yang mengatakan penggunaan kolaboratif bermotifkan untuk menguatkan hubungan sosial, dan tidak bertumpu kepada faktor ekonomi semata-mata (Schiel, 2015). Ini kerana, melalui penggunaan kolaboratif, nilai penghargaan dan simpati yang dizahirkan melalui penggunaan kolaboratif dilihat sebagai sesuatu yang mempunyai implikasi moral. Jadi, dengan mengamalkan tingkah laku perkongsian seperti itu dapat menyokong untuk lahirnya perasaan positif dan keseronokan dikalangan pengguna. Selain itu, individu juga dapat membentuk hubungan dan persamaan sosial melalui penggunaan kolaboratif. Sebagai contoh, individu dapat mempunyai akses kepada barangan atau perkhidmatan yang tidak mampu dimiliki melalui penggunaan kolaboratif atau dapat berkongsi barangan yang berlebihan dengan pengguna yang lain (Canio et al., 2017).

Metod Kajian

Artikel ini merupakan kajian awal yang dibuat bagi menjalankan kajian jenis kuantitatif berkenaan tingkah laku pengguna terhadap penggunaan kolaboratif berasaskan makanan. Kajian ini akan melibatkan para pengguna di Malaysia, memandangkan, sehingga sekarang, masih terdapat kajian yang terhad berkaitan isu ini di Malaysia. Tambahan lagi, Malaysia tergolong dalam antara negara yang mengeluarkan sisa makanan yang tinggi, dimana, berdasarkan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), Malaysia mengeluarkan sisa makanan yang memenuhi tujuh kolam renang bersaiz olimpik setiap hari (Fatimah, 2021).

Borang kaji selidik akan dibina daripada soalan-soalan kaji selidik yang telah dibangunkan oleh para penyelidik sebelumnya. Kaedah kaji selidik secara atas talian akan digunakan bagi mencapai para pengguna di kesemua negeri di Malaysia.

Jangkaan Dapatan Kajian

Kajian ini dijangka akan menyumbang kepada pengetahuan yang baru berkenaan penggunaan kolaboratif, perkongsian ekonomi dan juga perkaitan antara penggunaan kolaboratif berasaskan makanan dan tingkah laku pengguna, khususnya dikalangan pengguna di Malaysia. Dapatan kajian ini penting bagi mengatasi krisis makanan dan juga masalah pembuangan sisa makanan yang berlebihan bagi menjamin kelestarian alam sekitar di masa akan datang.

Kesimpulan

Keadaan populasi dunia yang semakin meningkat memberikan gambaran bahawa pengambilan makanan akan semakin meningkat di masa akan datang. Dalam konteks ini, penyelesaian bukan hanya bergantung kepada kemampuan negara untuk meningkatkan tahap pengeluaran makanan, malah ia memerlukan tindakan setiap individu. Tingkah laku perkongsian melalui penggunaan kolaboratif mampu untuk mengubah model perniagaan yang sedia ada. Ia mampu untuk menangani isu global pembaziran makanan yang dihadapi kebanyakan negara membangun serta mampu mengatasi krisis makanan yang dihadapi beberapa negara miskin di dunia dengan mewujudkan penggunaan sumber yang lebih efisien dan mengurangkan jumlah sampah yang dihasilkan.

Sememangnya, penggunaan kolaboratif bergantung sepenuhnya kepada para pengguna. Dengan sokong platform teknologi digital masa kini, dapat dijangkakan bahawa penggunaan kolaboratif akan semakin mendapat perhatian individu pengguna dimasa akan datang. Malah

ia akan membuka peluang yang mudah kepada para peniaga untuk berjaya dalam perniagaan mereka. Namun begitu, masih banyak masa diperlukan untuk menjadikan penggunaan kolaboratif ini sebagai budaya yang biasa dikalangan para pengguna, memandangkan tingkah laku penggunaan kolaboratif baru sahaja mendapat perhatian. Jadi, perubahan daripada cara penggunaan konvensional ke arah penggunaan kolaboratif adalah perlu melalui pengubahsuaian tingkah laku dan sikap seseorang individu.

Penghargaan

Artikel konseptual ini diterbitkan bagi mencapai salah satu objektif kajian usahasama antara Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia bersama Suan-Sunandha Rajabath University, Thailand. Ucapan penghargaan yang tidak terhingga diucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses kajian ini.

Rujukan

- Bardhi, F. & Eckhardt, G. M. (2012). Access-based consumption: the case of car-sharing. *Journal of Consumer Research*, 39(4), 881-898.
- Belk, R. (2014). You are what you can access: sharing and collaborative consumption online. *J. Bus. Res.*, 67, 1595-1600.
- Benoit, S., Baker, T. L., Bolton, R. N., Gruber, T. & Kandampully, J. (2017). A triadic framework for collaborative consumption (cc): motives, activities and resources & capabilities of actors. *J. Bus. Res.*, 219-227.
- Botsman, R., and R. Rogers. 2010. *The Rise of Collaborative Consumption*. New York: Harper Collins.
- Canio, F. D., Martinelli, E. & Pellegrini, D. (2017). Collaborative consumption: what drives consumers' intention to share?
- Cinjarevic, M., Kozo, A. & Berberovic, D. (2019). Sharing is caring and millennials do care: collaborative consumption through the eyes of internet generation. *South East European Journal of Economics and Business*, 14(1), 49-60.
- Cullen, M.T. COVID-19 and the Risk to Food Supply Chains: How to Respond? Food and Agriculture Organization of the United Nations: Rome, Italy, 2020.
- Eckhardt, G.M., Houston, M. B., Jiang, B., Lambertson, C., Rindfleisch, A. & Zervas, G. (2019). Marketing in the sharing economy. *J. Market.*, 83, 5-27.
- Fatimah, Z. (2021). Daily food waste staggering. *The Star*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/05/20/daily-food-waste-staggering>
- Felson, M. and Spaeth, J. L. (1978). Community structure and collaborative consumption: A routine activity approach. *American Behavioral Scientist*, 21(4), 614-624.
- Frenken, K.; T. Meelen, M. Arets, and P. van de Glind. 2015. Smarter Regulation for the Sharing Economy. Accessed on 13/03/2017 via theguardian.com
- Gram-Hanssen, I., Jorgen Hanssen, O., Hulthen, J., Silvennoinen, K., Werge, M., Stenmarck, A., Asre, A. K. (2016). Food redistribution in the Nordic region phase II: identification of best practice models for enhanced food redistribution. http://ec.europa.eu/food/safety/food_waste/library/docs/nordic_council_report_food_donations2_201602_en.pdf
- Gustavsson J, Cederberg C, Sonesson U, van Otterdijk R, Meybeck A (2011) Global food losses and food waste: extent, causes and prevention. Food and Agriculture Organisation of the United Nations (FAO), Rome
- Kera D, Sulaiman N (2014) Fridgematch: design probe into the future of urban food commensality. *Futures* 62:194-201
- Lawson, S. 2010. Transumers: Motivations of non-ownership consumption. *Advances in consumer research* 37: 842-843.

- Lindblom, A. and Lindblom, T. (2017), "De-ownership orientation and collaborative consumption during turbulent economic times", *International Journal of Consumer Studies*, Vol. 41 No. 4, pp. 431-438.
- Long, N.N.; Khoi, B.H. An Empirical Study about the Intention to Hoard Food during COVID-19 Pandemic. *Eurasia J. Math. Sci. Technol. Educ.* 2020, 16, 1–12.
- Mani, Z. & Chouk, I. (2018). Consumer resistance to innovation in services: challenges and barriers in the internet of things era. *J. Prod. Innovat. Manag.*, 35, 780-807.
- Mayasari, L. & Haryanto, H. C. (2018). Motivational factors of collaborative consumption in the era of sharing economy, *Gadjah Mada International Journal of Business*, 20(3), 331-352).
- Morone P, Falcone PM, Imbert E, Morone M, Morone A (2016) Tackling food waste through a sharing economy approach: an experimental analysis. *MPRA working papers*. <https://mpra.ub.uni-muenchen.de/70626/>
- Nwaorgu, B. (2018). What is collaborative consumption? Platforms and participation of people in collaboration consumption – Impact of the new technologies. *International Journal of Innovation, Management and Technology*, 9 (6). 240-245.
- Owyang, J., Samuel, A. & Grenville, A. (2014). Sharing is the new buying: Vision Critical & Crowd Companies. <https://www.visioncritical.com/resources/collaborative-economy-report/>
- Parasuraman, A. & Colby, C. L (2015). An update and streamlined technology readiness index: TRI 2.0. *J. Serv. Res.*, 18, 59-74.
- Parfitt J, Barthel M, Macnaughton S (2010) Food waste within food supply chains: quantification and potential for change to 2050. *Philos Trans Roy Soc B Biol Sci* 365(1554):3065–3081
- Richter, C., Kraus, S., Brem, A., Durst, S. & Giselbrecht, C. (2017). Digital entrepreneurship: Innovative business models for the sharing economy. *Creativity and Innovation Management*, 26(3), 300-310.
- Schor, J. & Fitzmaurice, C. (2015). Collaborating and connecting: The emergence of the sharing economy. In J. B. Schor and C. Thompson (Eds.), *Handbook of research on sustainable consumption*, p. 410-425. Cheltenham, UK: Edward Elgar.
- Schiel, F. 2015. The phenomenon of the sharing economy in Germany: Consumer motivations for participating in collaborative consumption schemes. Unpublished Master Thesis, University of Twente.
- Walsh, B. (2011). Today's smart choice: Don't own. Share. Time. http://content.time.com/time/specials/packages/article/0,28804,2059521_2059717_2059710,00.html
- Zervas, G., Proserpio, D. & Byers, J. W. (2017). The rise of the sharing economy: estimating the impact of Airbnb on the hotel industry.